



TEKS UCAPAN

**PPjB YUSRI BIN MOHD YUSOF @ HASHIM
TIMBALAN PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
PERTANDINGAN KADET BOMBA
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK**

**PADA
SELASA / 26 OGOS 2025
BERSAMAAN 2 RABIULAWAL 1447H**

**JAM
5.00 PETANG**

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT IPOH

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin

Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiya'e
Wal Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi
Wasahbihi Ajma'in

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat petang, Salam Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi, Cepat
dan Mesra dan Salam Malaysia Madani

Yang berusaha saudara pengacara majlis, **Encik Athir
Asyraf bin Abdul Ghani**

Terima kasih diucapkan kepada pembaca doa majlis kita
sebenar tadi
atas lantunan doa yang penuh pengharapan, memohon
keberkatan dan kelancaran majlis yang kita raikan pada
hari ini.

[Salutasi berdasarkan pengesahan kehadiran terkini]

Penguasa Kanan Bomba II

Umrani bin Che Mat

Penolong Pengarah Bahagian Latihan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

Encik Mokhtar bin Shaari

**Penolong Pengarah Unit Bakat Murid
(Kokurikulum)**

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Penolong-Penolong Pengarah Bahagian

Ketua-Ketua Zon dan Balai

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan

Guru-Guru

Juru Latih Daerah

Pasukan Kadet Bomba

Seterusnya

Tuan / Puan Yang Dihormati Sekalian

1. Alhamdulillah, Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri Perak bagi tahun 2025.

2. Saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini yang telah bermula sejak jam 8.00 pagi tadi, dan berlangsung dalam keadaan yang teratur serta penuh semangat kesukanan dan kerjasama.

3. Pertandingan ini merupakan acara tahunan yang signifikan, hasil kerjasama erat antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak dengan Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai medium pengukuhan ilmu kebombaan, malah

juga sebagai platform pembentukan jati diri dalam kalangan murid sekolah menengah.

4. Di samping aspek latihan fizikal dan teknikal, pertandingan ini turut menyemai semangat perpaduan dalam kalangan peserta berbilang kaum serta membudayakan nilai kerja berpasukan, disiplin, ketahanan mental dan keyakinan diri. Hal ini amat bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan menyokong Pelan Strategik Jabatan melalui Dasar Keselamatan Awam yang menjadikan pasukan kadet ini sebagai salah satu elemen penting dalam memperkasa kesedaran awam.

Tuan-Tuan/Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

5. Antara objektif penubuhan pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat ialah:

- a. Memupuk kesedaran tentang bahaya kebakaran dan langkah-langkah pencegahan;
- b. Menghayati dan mengamalkan ilmu pengetahuan kebombaan sebagai salah satu cara hidup;
- c. Meningkatkan disiplin dan setia kawan bagi memupuk semangat yakin diri serta bertanggungjawab kepada harta benda and Masyarakat; dan
- d. Mewujudkan suasana sekolah bebas dari bahaya kebakaran.

6. Untuk makluman, sehingga kini sebanyak **121 pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat** telah berjaya ditubuhkan di seluruh Negeri Perak. Angka ini menunjukkan sambutan yang memberangsangkan dan kami berharap lebih banyak sekolah akan tampil menubuhkan pasukan kadet masing-masing.

7. Justeru, pihak Jabatan ingin menekankan keperluan **pembaharuan pendaftaran tahunan** dengan balai bomba terdekat, terutamanya pada awal tahun. Ini bagi memastikan perancangan latihan, modul pembelajaran serta pelaksanaan aktiviti kadet dapat berjalan dengan lancar dan sistematik.

8. Besar harapan kami agar segala ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang penglibatan dalam pasukan kadet ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dan dikongsi bersama rakan-rakan, demi kesejahteraan serta keselamatan komuniti sekolah dan masyarakat umum.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

9. Saya mewakili Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak ingin merakamkan ucapan **tahniah dan syabas** kepada semua peserta yang telah

menunjukkan komitmen tinggi serta semangat juang yang mengagumkan sepanjang pertandingan ini berlangsung. Tidak dilupakan ucapan setinggi-tinggi **tahniah kepada peserta yang berjaya terpilih untuk mewakili Negeri Perak ke peringkat kebangsaan** — semoga terus cemerlang dan mengharumkan nama negeri tercinta.

10. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang menjayakan program ini — khususnya Bahagian Latihan JBPM Negeri Perak, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, dan juga Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh selaku tuan rumah bagi majlis kita pada hari ini. Jasa dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan amat kami hargai.

PENUTUP

Tuan-Tuan/Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

11. Sebagai penutup bicara, marilah kita terus berganding bahu membentuk generasi muda yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, tetapi juga mempunyai nilai-nilai murni, semangat patriotik dan kepekaan terhadap keselamatan diri serta masyarakat.

12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penutupan Pertandingan Kadet Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak Tahun 2025.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.